

WARTA AKADEMI DBP (JANUARI 2021)

MAKLUMAT RASMI AKADEMI DBP BIL. 23/1/2021

A. PEPERIKSAAN AKHIR PROGRAM SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 3 BIDANG EDITORIAL SESI PENGAMBILAN 2019/2020

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa peperiksaan akhir program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Bidang Editorial diadakan pada 5 dan 6 Januari 2021. Peperiksaan akhir Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Bidang Editorial turut melibatkan penyemakan portfolio calon oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL), oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Seramai empat orang pelajar yang mengikuti program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Bidang Editorial di PPKKADBP menduduki peperiksaan akhir secara dalam talian dan penyemakan portfolio calon pada 5 Januari 2021 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Akademi DBP, Wisma DBP. Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Bidang Editorial ditawarkan mulai September 2019.

B. MESYUARAT PENAJAAN PELAJAR PUSAT PEMBANGUNAN KEILMUAN DAN KEMAHIRAN AKADEMI DBP (PPKKADBP)

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 14 Januari 2021 telah diadakan Mesyuarat Penajaan Pelajar Pusat Pembangunan Keilmuan dan Kemahiran Akademi DBP (PPKKADBP) bagi sesi pengajian 2021/2022. Mesyuarat diadakan secara dalam talian, dipengerusikan oleh Pengurus PPKKADBP iaitu YBrs. Dr. Dahlina binti Daut@Mohmud dan dihadiri oleh Puan Filzah binti Ibrahim, Puan Suryani binti Zakaria, Puan Noraida binti Ismail dan Puan Rohani binti Ya. Tujuan mesyuarat adalah bertujuan membincangkan pelan mendapatkan penajaan/pinjaman atau biasiswa khusus untuk pelajar PPKKADBP.

C. BENGKEL PENYEDIAAN JADUAL SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 3 BIDANG EDITORIAL

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 18 hingga 20 Januari 2021 Bengkel Penyediaan Jadual Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Bidang Editorial

diadakan secara dalam talian. Bengkel ini bertujuan untuk membangun dan menyediakan jadual Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Bidang Editorial bagi pengambilan sesi 2021/2022. Pengurus Pusat Pembangunan Keilmuan dan Kemahiran Akademi DBP (PPKKADB), YBrs. Dr. Dahlina binti Daut@Mohmud mempengerusikan bengkel dan dihadiri oleh Puan Filzah binti Ibrahim, Puan Suryani binti Zakaria, Puan Noraida binti Ismail dan Puan Rohani binti Ya.

D. MESYUARAT PENYELARASAN AKADEMI DBP DENGAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 20 Januari 2021 telah diadakan Mesyuarat Penyelarasan Akademi DBP dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Akademi DBP, YBrs. Dr. Santrol bin Abdullah diadakan secara dalam talian dihadiri oleh Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Puan Faizah binti Hashim dan Puan Nurul Fauziana binti Amat. Akademi DBP pula diwakili oleh YBrs Dr. Rossilawaty binti Sheriff, Encik Adnan bin Abdul Majid, Puan Fauziah binti Hassan dan Puan Siti Ruzaiha binti Mohd Riffin. Mesyuarat diadakan bertujuan membincangkan Pelan Penggantian DBP, Program Pementoran, Kursus Singkat Dalam Jabatan dan Kursus Singkat Luar Jabatan. Penyertaan Pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) dalam Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Utama anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) juga turut dibincangkan dalam hal-hal lain.

E. BENGKEL AUDIT PENYEDIAAN BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) TAHAP 3 BIDANG EDITORIAL

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 25 Januari 2021 telah diadakan Bengkel Audit Penyediaan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Bidang Editorial. Bengkel diadakan secara dalam talian melibatkan semua Pengajar PPKKADBP iaitu YBrs. Dr. Dahlina binti Daut@Mohmud, Puan Filzah binti Ibrahim, Puan Suryani binti Zakaria, Puan Noraida binti Ismail dan Puan Rohani binti Ya.

F. BENGKEL PERANCANGAN KERJA PUSAT PEMBANGUNAN KEILMUAN DAN KEMAHIRAN AKADEMI DBP (PPKKADBP)

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 26 Januari 2021 telah diadakan Bengkel Perancangan Kerja Pusat Pembangunan Keilmuan dan Kemahiran Akademi DBP (PPKKADBP) tahun 2021. Bengkel yang dikendalikan oleh Pengurus Pusat PPKKADBP, YBrs. Dr. Dahlina binti Daut@Mohmud secara dalam talian ini turut membincangkan perancangan bagi program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4. Bengkel ini dihadiri oleh Puan Filzah binti Ibrahim, Puan Suryani binti Zakaria, Puan Noraida binti Ismail dan Puan Rohani binti Ya.